

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
TAKLIMAT PEMBUKAAN PENSIJILAN ENERGY
MANAGEMENT GOLD STANDARD, EMGS, SATU
BINTANG DI BAWAH ASEAN ENERGY
MANAGEMENT SCHEME (AEMAS) UiTM
KAMPUS PUNCAK ALAM**

**3 NOVEMBER 2025 | ISNIN | 8.30 PAGI
BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 3, BANGUNAN FF1,
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

**Barisan Penilai dari Malaysia Green Technology
and Climate Change Corporation (MGTC)**

1. YBrs. Encik Ts. Mohd Khairil Rumli

Selaku ketua Penilai

2. YBrs. Encik Arafat Rashid

YBrs. Profesor Dr. Ir. Nofri Yenita Dahlan

Pengarah

UiTM Solar Energy Research Institute

Barisan Dekan Fakulti

Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan
Selangor

Seterusnya tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang
saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana
dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-
sama berkumpul pada pagi ini sempena taklimat
pembukaan penilaian bagi penarafan **1 Bintang
'Energy Management Gold Standard' (EMGS) Di
Bawah Inisiatif 'Asean Energy Management
Scheme' (AEMAS)** bagi UiTM Kampus Puncak
Universiti Teknologi MARA Cawangan
Selangor.

2. Terlebih dahulu, terima kasih dan selamat datang ke UiTM Cawangan Selangor saya ucapkan kepada kedua-dua penilai; (**Ts. Mohd Khairil & Encik Arafat**).
3. Untuk pengetahuan, UiTM Cawangan Selangor merangkumi **5 buah kampus**, iaitu Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh, Kampus Selayang dan Kampus Dengkil yang menempatkan **12 fakulti** serta sebuah pusat akademik, iaitu **Pusat Asasi**, dengan jumlah seramai **36,009 orang pelajar**.
4. Sebagai cawangan terbesar, UiTM Cawangan Selangor turut menyediakan kemudahan kolej kediaman yang berupaya menampung sehingga **23,019** orang mahasiswa.
5. Justeru, pengurusan tenaga merupakan aspek yang amat penting dan sentiasa diberi penekanan,

memandangkan perbelanjaan yang ditanggung bagi pembayaran bil tenaga adalah sangat besar.

6. Izinkan saya berkongsi beberapa fakta untuk pengetahuan semua;

a. **Fakta Pertama:** Kos bil elektrik UiTM bagi seluruh negara pada tahun 2024 ialah RM144 juta, melebihi peruntukan penyelenggaraan semua kampus.

b. **Fakta Kedua:** Kampus Puncak Alam mencatat bil elektrik tertinggi iaitu RM38.4 juta pada tahun 2024 berbanding RM35.8 juta pada 2023.

Namun, warga kampus berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 2.6 juta kilowatt jam atau 3.35% peratus, daripada 77.5 juta kilowatt jam pada

tahun 2023 kepada 74.9 juta kilowatt jam pada tahun 2024.

c. **Fakta Ketiga:** Kampus Sungai Buloh merupakan kampus ketiga tertinggi membayar bil elektrik iaitu RM10.6 juta pada tahun 2024.

7. Dengan purata pembayaran bil elektrik di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam sebanyak RM3.2 juta sebulan, jelas bahawa pengurusan tenaga perlu diberi keutamaan.

8. Untuk makluman juga, selaras dengan penguatkuasaan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 (Akta 861) pada 1 Januari 2025 yang mewajibkan semua organisasi mewujudkan Sistem Pengurusan Tenaga, UiTM telah menetapkan dasar serta garis panduan kelestarian bagi memastikan setiap operasi kampus

dilaksanakan mengikut prinsip pembangunan mampan.

9. Saya bersama barisan pengurusan UiTM Cawangan Selangor komited dalam menerapkan nilai kelestarian melalui pelbagai inisiatif untuk memperkukuh pembangunan lestari warga kampus.
10. Oleh itu, dalam usaha UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan UiTM Kampus Sungai Buloh menuju ke arah pensijilan EMGS, kita perlu menekankan amalan hidup yang berhemat dan menjimatkan tenaga.
11. Saya percaya, penarafan 1 Bintang EMGS ini adalah usaha strategik dalam mengorak langkah ke arah kelestarian pengurusan tenaga jangka panjang.

12. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan proses persediaan penilaian penarafan 1 Bintang EMGS pada hari ini.

13. Saya berharap semua yang hadir dapat memberikan kerjasama terbaik bagi melancarkan urusan para penilai sepanjang tempoh dua hari ini.

Awan putih berarak perlahan,
Mentari hadir menyeri pagi.
EMGS 1 Bintang kita usahakan,
Bukti komitmen kampus lestari.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**